

TARIKH	KHAMIS, 30 MAC 2023
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	APLIKASI LUPUS KENDERAAN USANG, ROSAK DIPERKENAL
M/S	7
BIDANG	CIVIL SERVICE
KATA KUNCI	CIVIL SERVICE

BH Khamis, 30 Mac 2023

Nasional

Aplikasi lupus kenderaan usang, rosak diperkenal

Inisiatif diharap kurangkan isu lambakan kereta buruk

Kuala Lumpur: Kementerian Pengangkutan (MOT) dalam proses membangunkan sistem secara digital menerusi aplikasi atau kaedah digital lain bagi pembatalan pendaftaran kenderaan bermotor, Dewan Rakyat diberitahu semalam.

Timbalan Menteri, Datuk Hasbi Habibollah, berkata sistem itu bertujuan untuk memudahkan individu yang berhasrat melupuskan kenderaan buruk atau rosak dengan membuat pembatalan pendaftaran tanpa perlu hadir ke kaunter Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

"Kenderaan buruk seterusnya dilupus syarikat pelupusan sisa



Kementerian Pengangkutan dalam proses memudahkan urusan lupus kenderaan buruk dan usang.

(Foto hiasan)

pepejal atau Authorized Automotive Treatment Facilities (AATF) yang diiktiraf mengikut peraturan ditetapkan agensi berkaitan.

"Melalui inisiatif ini diharap dapat menyelesaikan isu lambakan kenderaan buruk dan usang di negara kita," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat.

Beliau menjawab soalan Mohd Sany Hamzan (PH-Hulu Langat) yang ingin tahu usaha kerajaan

bagi menguruskan pelupusan kenderaan buruk dan Tempoh Jangka Hayat Kenderaan (ELV), di samping menjaga kelestarian alam sekitar.

Kerjasama JPJ, agensi

Hasbi berkata, MOT melalui JPJ bersedia bekerjasama dengan agensi kerajaan berkaitan untuk mengkaji hala tuju jangka panjang bagi menangani pencemaran alam sekitar disebabkan ken-

deraan usang.

"Ini termasuk mengkaji konsep pelupusan kenderaan usang. Pelaksanaan sistem pelupusan ini berupaya menyumbang kepada peningkatan tahap keselamatan jalan raya, mengurangkan pencemaran kenderaan lama.

"Ia juga akan merancakkan permintaan kenderaan yang akan menyumbang kepada kelestarian sektor automotif negara," katanya. **BERNAMA**

DISEDIAKAN
OLEH

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM